



PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

EAIC SIASAT KEMATIAN TAHANAN LOKAP IPD BERA

Putrajaya 20 Januari 2017 – Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatankuasaan atau *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC) dengan ini mengumumkan akan menjalankan siasatan ke atas kematian seorang tahanan di lokap di Ibu Pejabat Polis (IPD) Bera, Pahang pada 18 Januari 2017. Berdasarkan beberapa laporan oleh portal media, mangsa Soh Kai Chiok, 49 tahun dikatakan ditemui dalam keadaan tidak sedarkan diri sebelum disahkan meninggal dunia pada jam 12.15 pagi. Terdahulu mangsa ditahan polis kerana disyaki mencuri pisang dan disiasat di bawah kesalahan Seksyen 379 Kanun Keseksaan.

Sehubungan ini satu Pasukan Petugas yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan EAIC telah ditubuhkan di bawah seksyen 17 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatankuasaan 2009 [Akta 700] untuk menjalankan siasatan serta merta ke atas kematian ini. Dalam hal ini skop siasatan EAIC adalah berdasarkan terma rujukan (*term of reference*) berikut:

- i. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat sebarang salah laku seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 24 Akta 700, termasuk perlakuan yang bersifat jenayah oleh pegawai PDRM semasa mengendalikan tahanan dan berkaitan kematian tahanan tersebut; dan
- ii. Sekiranya terdapat salah laku dizahirkan, untuk menentukan dan mengenal pasti:
 - a) bagaimana dan mengapa salah laku itu terjadi;



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526

LAMAN WEB: www.eaic.gov.my



- b) apakah peruntukan undang-undang, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, Standard Operating Procedures (SOP) dan arahan-arahan tetap yang berkaitan dengan pengurusan dan pengendalian orang tahanan yang telah dipecahi; dan
- c) individu yang bertanggungjawab ke atas salah laku atau perlakuan jenayah tersebut.

EAIC memandang serius dan berasa kesal dengan kematian orang tahanan dalam lokap pihak berkuasa yang masih berulang kali berlaku di negara ini. Integriti dan kredibiliti penguat kuasa seharusnya tidak dicemari dan perlu dipelihara daripada kejadian seperti ini.

EAIC dengan ini menggesa agar agensi penguatkuasaan yang mempunyai lokap tidak lagi berkompromi dan mengambil perhatian serius terhadap pengesyoran dan langkah-langkah penambahbaikan oleh EAIC berhubung pengurusan dan tatacara pengendalian orang tahanan. Untuk maklumat lanjut berhubung syor-syor ini layari www.eaic.gov.my.

-TAMAT-

“INTEGRITI DIJULANG NEGARA BERMARUAH”

DATUK YAACOB BIN HAJI MD. SAM

Pengerusi

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

20 Januari 2017